

29 AUG 2001

MAHATHIR-LELONGAN

LELONGAN DALAM TALIAN BAGI MEMORABILIA PERKOMPUTERAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Satu lelongan dalam talian anjuran bersama oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan www.lelong.com.my untuk melelong sebahagian daripada memorabilia perkomputeran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dibuka bagi pembidaan pada 30 Ogos, 2001.

Lelongan ke atas dua komputer peribadi, sebuah pencetak dan komputer riba akan diadakan bersempena dengan Ekspo MSC-Multimedia Asia 2001 yang dijadualkan pada 6-8 Sept, 2001, kata MDC dalam satu kenyataan hari ini.

Komputer itu akan disertakan dengan plak piuter dengan aksara emas putih yang ditaja oleh Mimosa Silver Jewelry.

Menurut pengerusi eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, hasil daripada lelongan itu akan digunakan bagi menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang layak untuk meneruskan pembelajarannya di Universiti Multimedia.

Pembida yang berjaya akan menerima sijil daripada Perdana Menteri di majlis pelancaran Ekspo itu pada 7 Sept ini, kata MDC.

MDC menyatakan semua kelengkapan yang digunakan oleh Perdana Menteri daripada 1991 hingga 1996 adalah sebahagian daripada Sistem Maklumat Eksekutif dalam Pejabat Perdana Menteri.

Selain barangan perkomputeran, memorabilia Perdana Menteri di lelongan itu juga termasuklah lima salinan bertandatangan "Krisis Matawang Malaysia - Bagaimana dan Mengapa Ia Berlaku" dan lima salinan bertandatangan "A New Deal for Asia".

Dr Mahathir menulis kedua-dua tajuk itu.

"Ini adalah kali pertama sebuah syarikat Malaysia akan mengendalikan lelongan Internet barangan Perdana Menteri kita kepada pengumpul koleksi barangan antik," kata CEO Interbase Sdn Bhd, Richard Tan.

Interbase adalah pemilik laman web www.lelong.com.my.

Satu daripada tujuan lelongan khas itu adalah untuk mengenengahkan beberapa elemen utama e-Business terutama keselamatan transaksi dalam talian, kata MDC.

Ia menyatakan Aplikasi Perdana e-Perniagaan akan dipamerkan di Ekspo MSC-Multimedia Asia yang diadakan daripada 6-8 Sept ini.

Selain itu ia menambah untuk menggalakkan pertumbuhan e-Perniagaan di Malaysia, dua Aplikasi Perdana MSC, iaitu Pemasaran Tanpa Sempadan dan Jaringan Pembuatan Seluruh Dunia telah disertakan bersama sebagai Aplikasi Perdana e-Perniagaan. -- BERNAMA

MSL KTC ZK